

**Ahmad Said Sah Letak Jawatan Menteri Besar Terengganu - Tengku Adenan Bernama**  
**May 12, 2014**

KUALA TERENGGANU, 12 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Ahmad Said, Isnin meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Terengganu.

Perkara itu disahkan Setiausaha Agung UMNO Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Tengku Adnan berkata peletakan jawatan itu bagi membolehkan pelantikan menteri besar baharu. Bagaimanapun beliau enggan mendedahkan siapa bakal menggantikan Ahmad, 57.

"Saya datang jumpa ADUN (Anggota Dewan Undangan Negeri)...seperti dimaklumkan ada pertukaran (menteri besar), saya maklum balas dan mereka terima dan tidak ada masalah, memang betul ada pertukaran.

"Kita tunggu (watikah pelantikan menteri besar baharu) daripada Tuanku Sultan Terengganu (Sultan Mizan Zainal Abidin) dengan pengesahan daripada pihak istana...dah sah memang disahkan dia (Ahmad Said) dah jumpa Perdana Menteri letak jawatan hari ini," kata Tengku Adnan kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan beberapa pemimpin UMNO negeri di Kuala Terengganu.

Setiausaha Agung UMNO itu berkata pertukaran itu tidak akan menimbulkan sebarang masalah kepada UMNO di Terengganu kerana pemimpin negeri akur kepada keputusan pucuk pimpinan parti.

Spekulasi memuncak akhir-akhir ini bahawa Ahmad akan digantikan termasuk cakap-cakap kononnya beliau bersetuju menjadi menteri besar untuk selama setahun selepas pilihan raya umum ke-13 (PRU13) pada 5 Mei tahun lepas.

Ahmad dilantik semula sebagai Menteri Besar selepas menerima watikah pelantikan daripada Sultan Terengganu pada 9 Mei tahun lepas.

Beliau yang juga ADUN Kijal pertama kali dilantik sebagai Menteri Besar Terengganu pada 22 Mac 2008.

Sepanjang perkhidmatannya, Ahmad cukup terkenal dengan slogan "Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan" sebagai teraju utama dalam kepimpinan beliau.

Pentadbiran yang mesra rakyat menjadi tonggak dan keutamaan beliau dalam memastikan kepentingan dan permasalahan rakyat diselesaikan.

Pada PRU13, Barisan Nasional (BN) Terengganu menang majoriti mudah 17 daripada 32

kerusi Dewan Undangan Negeri termasuk pilihan raya kecil Kuala Besut pada 24 Julai tahun lalu.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037793>